

04 OCT 2001

MAHATHIR-PETRONAS

LANGKAH PERMULAAN BESAR OLEH INDUSTRI PETROKIMIA DI M'SIA, KATA MAHATHIR

KUANTAN, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata industri petrokimia negara mencatatkan pembangunan pesat sejak 10 tahun lalu apabila pelbagai projek bidang telah dilaksanakan.

Ia telah menyumbang ke arah tokokan nilai kepada sumber minyak dan gas negara serta memindahkan teknologi moden dan kemahiran teknikal kepada syarikat dan tenaga kerja tempatan.

"Ini memberi gambaran baik untuk merealisasikan aspirasi kita untuk menjadi negara maju menjelang 2020," di perasmian BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd di Gebeng, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata industri petrokimia memberi sumbangan besar ke arah mengembangkan kegiatan ekonomi negara terutama sektor pembuatan yang terus menjadi penyumbang utama kepada perbendaharaan negara menerusi pendapatan eksport serta simpanan pertukaran asing menerusi penggantian eksport.

"Dalam separuh pertama tahun ini, pendapatan yang dijana daripada eksport kimia dan produk kimia berjumlah RM7.8 bilion, menyumbang 5.4 peratus daripada jumlah eksport RM144 bilion, berbanding 4.8 peratus bagi tempoh yang sama dalam tahun sebelumnya dan ia adalah satu perkembangan yang menggalakkan," katanya.

Selain pendapatan eksport, Dr Mahathir berkata projek petrokimia ini juga menghasilkan aliran masuk besar pelaburan langsung asing (FDI) di negara ini.

Ini, katanya, dibuktikan dengan rancangan pelaburan bernilai lebih AS\$5 bilion (RM19 bilion) bagi pelbagai projek petrokimia dalam tempoh beberapa tahun akan datang di mana 50 peratus daripadanya datang daripada FDI.

Beliau juga berkata ekor keadaan ekonomi semasa di Amerika Syarikat, ia akan menjadi satu cabaran besar untuk menarik aliran FDI yang konsisten ke dalam negara.

Memandangkan keadaan ini, beliau memberi jaminan kepada pelabur-pelabur, tempatan dan asing, bahawa kerajaan akan memberi penekanan untuk melindungi dan mengekalkan suasana pelaburan membantu yang disediakan oleh negara.

Perdana Menteri berkata keselamatan pelaburan tetap akan diberi keutamaan apabila kerajaan terus menjadi proaktif dalam memastikan perniagaan beroperasi dalam suasana yang selamat dan terjamin.

Dr Mahathir juga berkata pembinaan Lebuhraya Pantai Timur akan menjadi kelebihan utama bagi pelabur-pelabur petrokimia termasuk kompleks kimia bersepadu.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat petrokimia juga diberikan insentif untuk memajukan kemudahan prasarana mereka sendiri.

"BASF Petronas Chemicals, sebagai contohnya, baru-baru ini telah diberikan kelulusan untuk membina dan mengendalikan dermaga 200-meter di Pelabuhan Kuantan," katanya.

"Dengan sumber yang mencukupi, kemudahan prasarana yang baik bersama kestabilan politik dan pelbagai insentif yang disediakan oleh kerajaan, saya percaya Malaysia akan menjadi satu lokasi menarik di rantau ini bagi syarikat-syarikat multinasional utama untuk melabur dalam projek petrokimia," katanya.

Antara projek baru yang diusahakan baru-baru ini di Kerteh adalah usaha sama Petronas-Dow Chemicals, olefins cracker Optimal Group dengan kapasiti menghasilkan 600,000 tonne ethilena dan 85,000 tonne propilena setahun, loji ethilena glycol dengan 320,000 tonne setahun dan loji derivatif

multi-unit, semuanya dijadualkan bermula lewat tahun ini. Juga sedang diusahakan adalah projek polyetilena densiti rendah 225,000-tonne, usaha sama antara Petronas, Polifin Ltd dari Afrika Selatan dan DSM Polyethylenes dari Belanda.

Sementara itu, pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin, yang juga hadir di majlis itu berkata pembukaan loji BASF Petronas Chemicals itu mencerminkan kejayaan kerajaan dalam memajukan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dari Kerteh ke Kuantan sebagai pusat kegiatan petrokimia di negara ini.

Turut hadir di majlis itu adalah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob serta ketua eksekutif Petronas dan presiden Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican. -- BERNAMA

MS SHY ZK